

**Menteri, Ahli Parlimen BN sokong duta Vatican, Perkasa salah faham
Malaysian Insider
July 16 , 2013
Oleh Jennifer Gomez**

Tan Sri Joseph Kurup semalam cuba menjelaskan kontroversi berhubung sokongan duta Vatican City ke Malaysia mengenai penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian di sini dengan menyokong kenyataan Biskop Joseph Marino sebagai wajar dan meminta seruan badan bukan kerajaan (NGO) Melayu – Islam yang dilaungkan sebelum ini dihentikan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal perpaduan nasional itu berjumpa dengan Marino Ahad lalu bagi meredakan kemarahan yang timbul selepas temubualnya bersama beberapa portal berita minggu lalu.

Dalam temubual berkenaan, Marino bersedia mengambil bahagian dalam dialog antara agama bagi menerangkan Islam sebagai agama yang indah berdasarkan pemantauan selama berkhidmat beberapa tahun di Bangladesh.

Namun, sokongan Marino terhadap penggunaan kalimah Allah di sini dan kaedah Persekutuan Kristian Malaysia menyampaikan hujahnya mengundang kemarahan NGO Melayu - Islam iaitu Jati dan Perkasa.

Dua NGO berkenaan menggesa Marino memohon maaf dan jika beliau enggan berbuat demikian, NGO berkenaan akan mengusirnya keluar dari negara ini.

Kurup akan bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berhubung isu itu. Menteri itu bagaimanapun berkata, Marino menarik balik kenyataannya berhubung penggunaan kalimah Allah.

Kurup berkata: "Pada pandangan saya ada berlaku sedikit salah faham dan laporan tidak tepat diterima oleh Perkasa".

Sehingga hari ini, tiada permintaan oleh Marino mahu pun pihak rasmi gereja kepada The Malaysian Insider bagi meminta penjelasan berhubung kesahihan laporan.

Pada ketika itu, terdapat lima portal berita yang menghadiri wawancara khas berkenaan pada Khamis lalu.

Sementara itu, ahli parlimen Tuaran Datuk Madius Tangau, berkata Marino selaku diplomat dari Vatican harus diberi ruang bagi menyampaikan ideanya.

"Kami selaku pimpinan bukan Islam dan beragama Kristian akan terus menguar-uarkan pandangan dan citarasa semua pihak termasuk penganut Islam dan bukan Islam kepada masyarakat dan kerajaan untuk dihormati.

Beliau berkata penggunaan kalimah Allah oleh penduduk di Sabah dan Sarawak dipandu oleh 10 penyelesaian yang digariskan oleh Datuk Seri Idris Jala sebelum pilihan raya negeri Sarawak yang membenarkan bukan Islam di Malaysia Timur menggunakan kalimah Arab itu.

Madius berkata selepas pilihan raya pada 5 Mei lalu, beliau hadir ke gereja di Semenanjung Malaysia dan menyatakan upacara di sana menggunakan bahasa Melayu dan paderi juga

menggunakan kalimah Allah.

"Ia satu perhimpunan indah, saya terpegun dengan khutbah berkenaan dan mendapat restu paderi dengan berkata sebagai ahli parlimen saya harus memperjuangkan isu berkenaan. Saya berkata tiada masalah kerana di Sabah kami juga membangkitkan isu sama," jelas Madius. – 16 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/menteri-ahli-parlimen-bn-sokong-duta-vatican-perkasa-salah-faham>